

Kaum Cina setia pada

UM 30 AUG 2001
Oleh ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 29 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Cina di negara ini telah membuktikan mereka adalah kaum yang setia kepada Malaysia.

Menurutnya, dengan ketsetiaan itu, orang Cina telah dapat bekerjasama dengan kaum lain sehingga membolehkan Malaysia

membangun dengan pesat. Justeru, beliau mahu kerjasama dan hubungan harmoni antara kaum di negara ini perlu terus dipelihara supaya semua kaum mendapat hak masing-masing.

"Ini adalah negara kita bersama walaupun kita berlainan keturunan. Di sinilah tumpahnya darah kita dan di sinilah kita akan menghabiskan hayat kita," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bersama Persatuan-Persatuan Cina seluruh Malaysia di sini hari ini.

Sebanyak 129 persatuan menyertai perhimpunan yang diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-44 itu.

Dr. Mahathir berkata, walaupun Malaysia pernah mengalami rusuhan kaum tetapi ia berjaya diatasi dalam masa yang singkat

dan seterusnya ia menjadi pengajaran kepada seluruh rakyat.

"Kita terhutang budi kepada pengasas negara ini iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan kerana berjaya mencipta formula yang amat berkesan," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia juga perlu berkorban sedikit kepentingan yang mereka miliki supaya

kaum-kaum yang lain boleh mendapat bahagian mereka. Katanya, dengan kerjasama dan sedikit pengorbanan itu, seluruh rakyat Malaysia dapat merayakan sambutan Hari Kebangsaan setiap tahun.

"Saya berjanji akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hubungan rapat antara kaum ini supaya semua kita mendapat bahagian masing-masing daripada pembangunan negara," katanya.

negara — PM

Pada majlis itu, Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali telah diberikan penghormatan tertinggi daripada masyarakat Cina apabila dihidangkan 'Teh Jubah Merah' dengan penuh tradisi kaum tersebut.

Bagi orang Cina, teh yang dikatakan sukar diperoleh itu dikatakan khas untuk diminum oleh golongan raja kerana dipercayai mampu memanjangkan

umur dan menyihatkan badan. Sebelum itu, bertempak di Dataran Perdana, Perdana Menteri menerima kad-kad ucapan sempena Hari Kebangsaan daripada 14 pertubuhan, agensi kerajaan dan sekolah.

Antara yang menyampaikan ucapan kepada Perdana Menteri ialah Tabika Felda Tersang di Raub, Pahang, Pusat Khidmat Untuk Orang-Orang Pekak, Sekolah Rendah Agama

Rakyat Felda Jelai 3, Gemas dan Persatuan Silambam Malaysia.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan hadiah kepada dua pemenang peraduan menulis karangan anjuran *New Straits Times* dan Coca-Cola.

Mereka ialah Johann Ghazaly dari Sekolah Menengah Kebangsaan St. John, Kuala Lumpur dan Pong Yi Ming dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Desa, Kuala Lumpur.